



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **STANDARD GURU MALAYSIA 2.0 DALAM KEMENJADIAN JIWA PENDIDIK**

*MALAYSIAN TEACHER STANDARD 2.0 IN BECOMING THE SOUL OF  
EDUCATORS*

Mardzelah Makhsin<sup>1\*</sup>, Teoh Yong Ping<sup>2</sup>, Nor Hasimah Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: mazfaniy@uum.edu.my

<sup>2</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: teohyp98@gmail.com

<sup>3</sup> School of Education, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: nhsimah@uum.edu.my

\* Corresponding Author

---

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 25.04.2022

Revised date: 20.05.2022

Accepted date: 10.06.2022

Published date: 15.06.2022

**To cite this document:**

Makhsin, M., Teoh, Y. P., & Ismail, N. H. (2022). Standard Guru Malaysia 2.0 Dalam Kemenjadian Jiwa Pendidik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 327-346.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.746027

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



**Abstrak:**

Standard Guru Malaysia merupakan piawaian yang menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru, dan keperluan yang patut disediakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi membantu guru-guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kebelakangan ini, isu-isu berkaitan etika profesion keguruan sering kali berlaku di negara kita dan ini menunjukkan kekurangan dan ruangan penambahbaikan dalam pembangunan profesionalisme keguruan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana Standard Guru Malaysia 2.0 dapat membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik, meninjau pandangan guru terhadap komponen etika keguruan dan bagaimana domain kompetensi yang disenaraikan dalam Standard Guru Malaysia 2.0 iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan. Kajian ini berbentuk kualitatif dan telah melibatkan 12 orang guru sekolah rendah dan sekolah menengah sebagai responden. Hasil dapatan daripada temu bual dianalisis secara deskriptif dan membuat perbandingan secara keseluruhan. Penemuan kajian ialah ramai guru kurang jelas dengan objektif dan kandungan Standard Guru Malaysia 2.0 dan pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru. Standard Guru Malaysia 2.0 adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan dan semua guru jelas dengan tanggungjawab guru terhadap profesion, murid, ibu bapa, masyarakat dan negara. Pengkaji berharap kajian ini dapat memberi serba sedikit sumbangan dalam usaha melahirkan jiwa pendidik yang holistik dan sempurna.

**Kata Kunci:**

Jiwa Pendidik, Etika Keguruan, Kompetensi, Holistik.

**Abstract:**

The Malaysian Teacher Standard is a standard that outlines the professional competencies that teachers should achieve, and the requirements that should be provided by teacher training agencies and institutions to help teachers achieve the required level of competence. Recently, issues related to the ethics of the teaching profession often occur in our country and this shows the lack and room for improvement in the development of teaching professionalism. This study aims to examine how the Malaysian Teacher Standard 2.0 can shape the soul of a perfect and holistic educator, examine teachers' views on the components of teaching ethics and how the domains of competence listed in the Malaysian Teacher Standard 2.0 namely knowledge orientation, instructional, community involvement and personal qualities can help teachers in the effective implementation of teaching and facilitating. This study is qualitative and has involved 12 primary and secondary school teachers as respondents. The findings from the interviews were analyzed descriptively and comparisons were made as a whole. The findings of the study are that many teachers are less clear with the objectives and content of the Malaysian Teacher Standard 2.0 and those responsible need to provide more in-depth exposure to teachers. The Malaysian Teacher Standard 2.0 is a comprehensive reference document that can assist teachers in the effective implementation of teaching and facilitating and all teachers are clear with the responsibilities of teachers towards the profession, students, parents, society and the country. The researcher hopes that this study can make a small contribution in the effort to produce a holistic and perfect educator soul.

**Keywords:**

Educator Soul, Teaching Ethics, Competency, Holistic.

## Pengenalan

Kebanyakan negara mempunyai standard guru seperti *Australian Professional Standards for Teachers* di Australia, *Teachers' Standards* di United Kingdom, *Teachers Law of the People's Republic of China* di China dan *Professional Standard for Dutch Teacher Educators* di Belanda. Sebagaimana *Teachers' Standards* di United Kingdom menekankan bahawa guru harus memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajar dan bertanggungjawab untuk mencapai standard tertinggi dalam pekerjaan dan tingkah laku. Guru juga perlu bertindak dengan jujur dan berintegriti, menguasai ilmu pengetahuan yang luas dalam subjek tertentu dan sentiasa menguasai kemahiran yang selaras dengan zaman perkembangan. Selain itu, guru harus sentiasa membuat refleksi kendiri, menjalankan hubungan positif dengan ibu bapa demi kepentingan murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Kod Etika Profesional Keguruan Malaysia, Etika Kerja KPM, Tonggok 12 (1993), Standard Guru Malaysia 1.0 (2009) dan Standard Guru Malaysia 2.0 (2020). Standard Guru Malaysia 2.0 adalah dokumen rujukan berkaitan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang perlu dijiwai, diamalkan serta diperlihatkan oleh guru di Malaysia. Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM) terdiri daripada dua komponen iaitu Dimensi Kompetensi dan Etika Keguruan. Dimensi Kompetensi menjelaskan

kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan. Manakala Etika Keguruan merupakan prinsip moral dan nilai akhlak yang seharusnya menjadi pegangan dan amalan guru di Malaysia bagi memastikan profesion keguruan sebagai kerjaya profesional serta dipandang mulia oleh masyarakat.

Guru memainkan peranan yang signifikan dalam usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara kerana guru adalah golongan yang berada di barisan hadapan. Peranan guru menjadi semakin kompleks dan mencabar untuk merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Terlebih dahulu, guru harus mencapai standard ke tahap global supaya ilmu yang dicurahkan nanti mengikut acuan yang dihasratkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Selain itu, guru perlu memiliki kemahiran berfikir aras tinggi dan mampu berinovasi agar dapat meningkatkan keberhasilan sekolah dan kemenjadian murid. Peningkatan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) juga perlu dititikberatkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi.

### **Pernyataan Masalah**

Isu-isu berkaitan dengan profesionalisme keguruan sering dipaparkan dalam surat khabar atau diviralkan melalui media sosial seperti *Twitter*, *Facebook* dan lain-lain. Isu sebegini telah menunjukkan kekurangan dan ruangan untuk penambahbaikan dalam pembangunan profesionalisme keguruan. Pengkaji telah menunjukkan beberapa contoh kejadian yang benar berlaku di Malaysia disertai dengan negeri dan tahun berlaku. Contohnya, dakwaan seorang pelajar perempuan yang berusia 17 tahun mengenai guru lelaki yang membuat gurauan mengenai jenayah rogol (Selangor, 2021). Seorang guru mengejek cara pemakaian pelajarnya sehingga pelajar tersebut bunuh diri di bilik tidur (Pulau Pinang, 2020). Seorang guru didakwa menggunakan *stapler* mengepit telinga pelajarnya (Sabah, 2019). Seorang guru besar di sebuah sekolah rendah didapati ponteng kerja sejak awal tahun (Sabah, 2019). Seorang guru lelaki merotan tubuh pelajar perempuan selepas ditegur oleh pelajar tersebut (Johor, 2019). Seorang guru menuduh pelajar mencuri telefon bimbitnya sehingga pelajar tersebut bunuh diri di rumah (Pulau Pinang, 2018). Seorang guru ditangkap kerana telah menagih dadah jenis Cannabis (Perak, 2018). Bak kata pepatah, nilai setitik, rosak susu sebelangga. Oleh itu, warga pendidik haruslah mematuhi etika dan sentiasa memastikan tingkah laku diri tidak melanggar profesion keguruan agar tidak merosakkan reputasi guru. Walaupun kita mendapati bahawa adanya segelintir kes yang melibatkan guru-guru yang tidak beretika telah berlaku di negara kita, janganlah masyarakat mempunyai persepsi buruk terhadap profesion keguruan.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), guru berperanan sebagai agen bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia dari semasa ke semasa (Mohd Aizat dan Kamarudin 2020). Menurut Mohd Anuar Mamat et.al (2018), keperibadian guru memainkan peranan utama dalam profesionalisme keguruan. Setiap guru harus memiliki sifat amanah dan ikhlas bagi menunaikan tanggungjawab sebagai seorang guru berpandukan etika keguruan. Menurut kajian Mohd Aizat (2019), darjah akan terpengaruh dengan profesionalisme guru akan mempengaruhi keberkesanannya PdPc di bilik darjah manakala keberkesanannya PdPc akan memberi impak besar kepada transformasi dalam pendidikan. Kesimpulannya, KPM telah melaksanakan pelbagai cara dan memperkenalkan beberapa garis panduan untuk mendidik guru-guru dan juga penjawat awam supaya mereka sentiasa dalam usaha memperkembangkan profesionalisme dalam diri serta meningkatkan kualiti kerja dari semasa ke semasa.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah mengkaji bagaimana SGM 2.0 dapat membentuk jiwa pendidik yang holistik dan sempurna. Kajian ini juga akan meninjau pandangan guru terhadap SGM 2.0 secara keseluruhan. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji bagaimana domain kompetensi yang disenaraikan dalam SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan. Kajian ini juga akan meninjau pandangan guru terhadap komponen etika keguruan dalam SGM 2.0 termasuklah tanggungjawab terhadap profesion, tanggungjawab terhadap murid, tanggungjawab terhadap ibu bapa atau penjaga, tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

## **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual tentang pandangan guru terhadap SGM 2.0 dalam membentuk jiwa pendidik yang holistik dan sempurna. Seterusnya mengenalpasti domain kompetensi dalam Standard Guru Malaysia 2.0 dalam membantu guru melaksanakan PdPc yang berkesan dan pandangan guru terhadap komponen etika keguruan dalam Standard Guru Malaysia 2.0.

## **Dapatkan Kajian dan Perbincangan**

Terdapat enam orang guru SRJK dan enam orang guru SMJK di Bukit Mertajam Pulau Pinang telah dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Kedua-dua buah sekolah ini telah diberi nama samaran iaitu S1 dan S2 sebagai tanda penghormatan terhadap kepercayaan pihak sekolah. S1 ialah nama samaran bagi SMJK manakala S2 ialah nama samaran bagi SRJK. Menurut Guba dan Lincoln (1994) dan Creswell (2014), integriti, maruah dan kebebasan peribadi responden kajian haruslah dirahsiakan dan dihormati pada bila-bila masa.

<b>Responden</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Kelayakan Akademik</b>	<b>Tempoh Berkhidmat</b>
R1	Menengah	Sarjana Muda	31 tahun
R2	Menengah	Sarjana Muda	31 tahun
R3	Menengah	Sarjana Muda	13 tahun
R4	Menengah	Sarjana Muda	11 tahun
R5	Menengah	Sarjana Muda	24 tahun
R6	Menengah	Sarjana	6 tahun
R7	Rendah	Sarjana Muda	14 tahun
R8	Rendah	Sarjana Muda	2 tahun
R9	Rendah	Sarjana Muda	15 tahun
R10	Rendah	Sarjana Muda	12 tahun
R11	Rendah	Sarjana Muda	17 tahun
R12	Rendah	Sarjana	15 tahun

Kesemua dua belas orang guru dari S1 dan S2 telah ditemu bual bagi melengkapkan kajian ini. Kelayakan akademik bagi guru dari S1 dan S2 adalah sama iaitu lima orang guru berkelulusan ijazah sarjana muda dan seorang guru berkelulusan ijazah sarjana dalam bidang pendidikan. Tempoh perkhidmatan bagi responden dari S1 adalah dalam lingkungan 6 hingga 31 tahun manakala bagi responden dari S2 adalah dalam lingkungan 2 hingga 17 tahun.

### **Pandangan Guru Terhadap Standard Guru Malaysia 2.0.**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1, R5, R6, R8</b>	Jelas.
<b>R2, R3, R4, R7, R9, R10, R11, R12.</b>	Kurang jelas.

Soalan ini menunjukkan hanya 4 orang daripada 12 orang responden jelas dengan SGM 2.0 manakala 8 orang responden bersamaan dengan 67% mengatakan bahawa mereka kurang jelas dengan SGM 2.0. Sebahagian besar dalam kalangan guru kurang jelas dengan SGM 2.0 dan nampaknya pihak bertanggungjawab perlu mengambil tindakan susulan bagi memperkenalkan dan melaksanakan SGM 2.0 secara lebih terperinci.

### **Pandangan Guru Terhadap Objektif Standard Guru Malaysia 2.0 Dalam Memberi Impak Kepada Guru**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Ya, setiap perkara atau keputusan yang dilakukan mesti membawa kesan sama ada baik atau buruk. Saya rasa SGM 2.0 ini mampu memberi impak positif kepada guru.
<b>R2</b>	Tidak, inilah pandangan saya sebab saya tidak dapat melihat keberkesanan SGM 2.0.
<b>R3</b>	Tidak, sebab ramai guru masih keliru dengan SGM 2.0.
<b>R4</b>	Ya, saya rasa SGM 2.0 dapat memberi impak besar kepada guru.
<b>R5</b>	Ya, SGM 2.0 ini agak lengkap dan sempurna.
<b>R6</b>	Ya, saya setuju bahawa SGM 2.0 dapat memanfaatkan guru.
<b>R7</b>	Saya setuju tetapi semuanya bergantung kepada sikap seseorang guru.
<b>R8</b>	Ya, saya setuju.
<b>R9</b>	Ya, SGM 2.0 boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk guru.
<b>R10</b>	Ya, saya anggap SGM 2.0 ini sebagai garis panduan saya.
<b>R11</b>	Tidak, SGM 2.0 ini hanya diperkenalkan sahaja.
<b>R12</b>	Tidak, saya pun agak kabur dengan objektif dan kehendak SGM 2.0.

Seramai 67% iaitu bersamaan dengan 8 orang responden bersetuju bahawa SGM 2.0 mencapai objektifnya dan memberi impak besar kepada guru manakala 33% bersamaan dengan 4 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Justifikasi responden yang tidak bersetuju ialah SGM 2.0 ini hanya diperkenalkan secara umum sahaja dan ramai dalam kalangan guru keliru ataupun tidak jelas dengan objektif dan kehendak SGM 2.0. Responden-responden lain pula berpendapat bahawa SGM 2.0 merupakan satu dokumen rujukan agak lengkap dan sesuai untuk dijadikan sebagai garis panduan seseorang guru.

### **Standard Guru Malaysia 2.0 dan Pendidikan Abad Ke-21**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R9, R10, R11, R12</b>	Ya, dari perspektif saya SGM 2.0 memang sejajar dengan perkembangan pendidikan semasa tetapi perlu diperkuuhkan lagi.
<b>R8</b>	Tidak, saya kurang jelas dengan objektif dan kandungan SGM 2.0.

Seramai 10 orang responden bersamaan dengan 83% bersetuju bahawa sejajar dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 manakala masih adanya 17% iaitu 2 orang responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Kebanyakan responden mengatakan bahawa SGM 2.0 menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dan juga penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam PdPc. Namun, 2 orang responden mengatakan bahawa mereka tidak jelas dengan objektif dan kandungan SGM 2.0 kerana ia tidak pernah diperkenalkan secara terperinci dalam kalangan guru.

Salah seorang responden memberitahu bahawa bilangan guru di Malaysia semakin menurun di mana kerajaan ingin melaksanakan PAK21 mengikut pelan strategik yang dirancang oleh pihak bertanggungjawab. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi arahan kepada pihak sekolah bagi menggabungkan beberapa kelas semasa PdPc dijalankan secara dalam talian sejak pandemik Covid-19. Gaya pembelajaran ini semakin serupa dengan kuliah di universiti di mana beratus-ratus orang pelajar belajar bersama-sama pada suatu masa. Kaedah ini membawa lebih banyak keburukan daripada kebaikan kerana kaedah ini telah menyebabkan banyak berlaku kes ponteng kelas di setiap sekolah di mana sebahagian pelajar yang kurang berdisiplin asyik tidak hadir kelas dalam talian. Hal ini telah menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan PdPc dengan berkesan dan akhirnya tidak mencapai objektif PdPc.

Senario ini amat membimbangkan pihak sekolah dan juga ibu bapa kerana pelajar mengalami ketinggalan silibus atau tidak mampu menguasai ilmu dan kemahiran yang diajar. Walau bagaimanapun, SGM 2.0 ini masih sejajar dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 kerana ia menggalakkan pelajar bersikap lebih proaktif dalam proses PdPc dengan mencari idea sendiri dan berkongsi pendapat diri di bilik darjah.

### ***Kelebihan dan kelemahan Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1, R3, R4, R5</b>	SGM 2.0 ini boleh dikatakan agak lengkap dan komprehensif jika berbandingan dengan SGM 1.0. Hala tuju sistem pendidikan negara kita boleh dilihat dengan jelas dan SGM 2.0 ini lebih berfokus kepada melahirkan guru yang cemerlang dari pelbagai aspek. Kelemahannya ialah SGM 2.0 tidak dihayati oleh kebanyakan guru di Malaysia kerana mereka tidak jelas dengan objektif dan kehendak SGM 2.0.
<b>R2</b>	SGM 2.0 sesuai untuk diguna pakai kerana ia melibatkan semua dimensi yang sedia ada. Kelemahannya ialah kurang pendedahan secara profesional daripada pihak yang bertanggungjawab.
<b>R6</b>	SGM 2.0 ini nampaknya kurang dititikberatkan dan menyebabkan guru sangat tidak jelas dengan objektif dan kehendaknya.
<b>R7</b>	Guru memerlukan pendedahan SGM 2.0 dengan lebih terperinci agar mereka jelas dengan cara pelaksanaan atau tindakan yang sewajarnya bagi mencapai objektif dan kehendak SGM 2.0
<b>R8</b>	Sebenarnya, ramai guru tidak mengambil tahu tentang SGM 2.0 kerana SGM 2.0 tidak diperkenalkan secara lebih mendalam.
<b>R9</b>	SGM 2.0 ini menggalakkan guru untuk memajukan diri dari semasa ke semasa agar tidak ketinggalan zaman dan secara tidak langsung menyebabkan guru gagal untuk menarik minat belajar pelajar.

<b>R10</b>	SGM 2.0 ini memberi peluang kepada guru untuk lebih banyak berkomunikasi dengan ibu bapa dan juga bekerjasama dengan komuniti seperti menganjurkan program demi kepentingan pelajar.
<b>R11</b>	Kelemahan SGM 2.0 ini ialah guru perlu menyesuaikan diri dengan setiap perubahan dan cabaran mengikut perkembangan sistem pendidikan dari pelbagai aspek. Kadangkala ini akan menyebabkan guru mengalami stres dan masalah kesihatan lain-lain.
<b>R12</b>	Kekuatan SGM 2.0 adalah sejajar dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 tetapi pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru terdahulu.

Berdasarkan jawapan yang diberi oleh semua responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa SGM 2.0 adalah satu dokumen rujukan atau garis panduan yang komprehensif di mana ia telah merangkumi semua dimensi. Memang tidak dinafikan bahawa SGM 2.0 dapat memanfaatkan semua guru di Malaysia tetapi semua responden berpendapat bahawa pihak yang bertanggungjawab perlu memberi pendedahan secara lebih mendalam kepada guru-guru agar mereka dapat memahami objektif dan kandungan SGM 2.0. Langkah seterusnya guru akan berusaha merancang dan melaksanakan PdPc yang berkesan berpandukan SGM 2.0 bagi memastikan seajar dengan perkembangan PAK21.

#### ***Kaedah Memartabatkan Standard Guru Malaysia 2.0 dalam Kalangan Guru***

Responden	Jawapan
<b>R1</b>	Pihak bertanggungjawab perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk memperkenalkan, menerapkan objektif dan cara menggunakan SGM 2.0 kepada semua guru di Malaysia.
<b>R2, R3, R4, R10, R12</b>	Guru tidak jelas dengan objektif dan kehendak SGM 2.0 dan memerlukan pendedahan secara lebih mendalam mengenai SGM 2.0.
<b>R5, R9, R11</b>	Guru memerlukan kursus atau bengkel pengukuhan secara berkala bagi meningkatkan kemahiran mereka dan meningkatkan kualiti PdPc dari semasa ke semasa.
<b>R6</b>	SGM 2.0 perlu lebih mengetengahkan pembentukan personaliti seseorang guru agar dapat melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia.
<b>R7</b>	SGM 2.0 ini perlu dirancangkan dan dilaksanakan secara berperingkat di mana guru memerlukan masa yang secukupnya untuk menyesuaikan diri dan membuat pengubahsuaian sekiranya perlu.
<b>R8</b>	Pihak bertanggungjawab perlu meninjau keberkesanan SGM 2.0 secara spesifik agar dapat memanfaatkan semua guru.

Berdasarkan soalan ini, semua responden telah mengemukakan beberapa cara untuk memartabatkan Standard Guru Malaysia 2.0 dalam kalangan guru. R2, R3, R4, R10 dan R12 berpendapat bahawa guru perlu diberi pendedahan secara lebih mendalam mengenai SGM 2.0. R1 mencadangkan pihak yang bertanggungjawab perlu menubuhkan sebuah Jawatankuasa SGM 2.0 untuk memperkenalkan SGM 2.0 secara terperinci dalam kalangan guru dan memastikan guru memahami objektif dan kandungan SGM 2.0. R8 mengatakan bahawa jawatankuasa ini harus menjalankan penyelidikan secara berkala dalam kalangan guru bagi

menilai keberkesanannya SGM 2.0 dari semasa ke semasa agar memastikan SGM 2.0 ini sentiasa sejajar dengan perkembangan pendidikan terkini.

Menurut R5, R9 dan R11 mengatakan bahawa guru-guru memerlukan bengkel atau kursus secara berkala untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan ilmu pengetahuan akademik dari semasa ke semasa agar memastikan kualiti PdPc terjamin. Pandangan R10 ialah pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil serius dalam pelaksanaan SGM 2.0. Janganlah bersikap sambil lewa dengan hanya memperkenalkan SGM 2.0 kepada guru. Guru tidak akan memahami objektif dan kehendak SGM 2.0 secara automatik. R7 mengatakan bahawa sepatutnya SGM 2.0 ini perlu dibahagikan kepada beberapa fasa dan melaksanakannya mengikut fasa. Hal ini kerana guru memerlukan masa yang secukupnya untuk menyesuaikan diri dan membuat pengubahsuaiannya atau penambahbaikan sekiranya perlu. R6 pula berpendapat bahawa SGM 2.0 perlu lebih mengetengahkan pembentukan personaliti seseorang guru agar dapat melahirkan pelajar yang bersahsiah mulia.

#### ***Standard Guru Malaysia 2.0 Membentuk Jiwa Pendidik yang Sempurna dan Holistik***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9, R10, R11, R12</b>	Ya, mampu tetapi pandangan saya ialah personaliti guru memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik.

Secara keseluruhannya, semua responden bersetuju bahawa SGM 2.0 mampu membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik. R1 berpendapat bahawa personaliti guru juga merupakan salah satu faktor yang akan mempengaruhi keberkesanannya SGM 2.0 dalam pembentukan jiwa pendidik yang sempurna dan holistik.

#### ***Kaedah SGM 2.0 Membentuk Jiwa Pendidik yang Sempurna dan Holistik***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1, R5, R12</b>	Setiap guru haruslah menjadikan SGM 2.0 sebagai garis panduan kerana ia sangat lengkap dan telah membahagikan peranan guru kepada beberapa dimensi iaitu kualiti peribadi, orientasi ilmu, instruksional dan pelibatan komuniti. Terlebih dahulu, guru perlu memahami objektif dan kehendak SGM 2.0.
<b>R2, R3, R7</b>	Pihak yang bertanggungjawab perlu lebih banyak menyediakan kursus atau bengkel yang bersesuaian agar dapat memastikan guru-guru sentiasa dapat menambahkan ilmu dan meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam penyampaian PdPc.
<b>R4, R6, R9</b>	SGM 2.0 perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi agar dapat dilaksanakan dengan betul-betul serta memanfaatkan semua guru.
<b>R8, R9, R10, R11</b>	Saya rasa ini semua bergantung pada sikap guru sebab adanya guru yang rajin belajar sesuatu yang baharu namun adanya juga guru yang enggan belajar sesuatu yang baharu walaupun norma pembelajaran baharu telah wujud.

R1, R5 dan R12 berpendapat bahawa SGM 2.0 ialah satu dokumen rujukan yang komprehensif dan sesuai untuk diguna pakai oleh guru. Hal ini kerana SGM 2.0 telah merangkumi dimensi kompetensi dan etika profesion keguruan yang mampu untuk membentuk jiwa pendidik yang

sempurna dan holistik. Namun, pelaksanaan SGM 2.0 harus perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi agar dapat dilaksanakan dengan betul-betul serta memanfaatkan semua guru. Ini selaras dengan jawapan R4, R6 dan R9 di mana cara pelaksanaan menjadi faktor utama yang menyebabkan SGM 2.0 ini kurang berkesan dalam kalangan guru.

R2, R3 dan R7 pula mengatakan bahawa guru-guru memerlukan kursus atau bengkel yang bersesuaian terutamanya kursus etika profesion keguruan agar dapat memastikan guru sentiasa dapat menambahkan ilmu dan meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam penyampaian PdPc. Selain itu, R8, R9, R10 dan R11 berpendapat bahawa sikap guru menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi keberkesanannya SGM 2.0 dalam membentuk jiwa pendidik yang holistik dan sempurna. Seseorang guru yang berdisiplin dan berkeperibadian mulia akan sentiasa mematuhi kod-kod etika profesion keguruan dan berusaha bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan.

Selain itu, guru yang bersikap proaktif akan sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan akademik dan kemahiran insaniah yang terkini agar dapat membantu mereka dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan. Mereka akan sentiasa bersedia untuk belajar sesuatu yang baharu dan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi. Contohnya, pelaksanaan kelas dalam talian sejak pandemik Covid-19 memerlukan guru yang bersikap proaktif untuk belajar menggunakan ICT bagi melaksanakan PdPc yang berkesan. SGM 2.0 tidak berfungsi sekiranya seseorang guru enggan menerima sesuatu yang baharu ataupun keluar dari zon keselesaan.

#### ***Peranan Yang Dimainkan Oleh Standard Guru Malaysia 2.0 Bagi Seseorang Guru***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1, R2, R3, R4, R5, R6, R7, R8, R9, R10, R11, R12</b>	Kita boleh melihat dengan jelas bahawa SGM 2.0 berperanan sebagai garis panduan kepada setiap guru agar mereka sentiasa menjalankan kewajipan dan tugas serta mematuhi kod-kod etika profesion keguruan pada bila-bila masa.

Semua responden mengatakan bahawa peranan SGM 2.0 adalah sebagai garis panduan bagi setiap guru. Untuk meneliti pendapat yang selanjutnya, R1, R7 dan R10 berpendapat bahawa SGM 2.0 sebagai pemantau kepada guru agar memastikan mereka menjaga tingkah laku diri dan mematuhi kod-kod etika profesion keguruan. Menurut pandangan R2, SGM 2.0 memberi lebih banyak peluang kepada guru bagi melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dari pelbagai aspek manakala R6 pula mengatakan bahawa SGM 2.0 dapat memperkuatkan jiwa pendidik. Peranan SGM 2.0 bagi R9 adalah satu panduan yang menggariskan tanggungjawab sebagai seorang guru.

#### ***Domain Kompetensi Orientasi Ilmu dalam SGM 2.0 Membantu Guru Melaksanakan PdPc***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Pada era kepesatan teknologi ini, guru perlu bersikap proaktif untuk menceburi dan menerokai bidang ICT. Penggunaan ICT dalam PdPc dapat menarik minat belajar pelajar terutamanya kelas dalam talian sejak pandemik Covid-19. Contohnya, <i>Edmodo, Kahoot, Quizizz, Padlet</i> dan sebagainya. Tanggungjawab sebagai seorang guru makin hari makin berat kerana kedudukan guru berada di barisan pertama dalam transformasi sistem pendidikan negara kita.

<b>R2</b>	Jelasnya bahawa domain ini dapat meningkatkan profesionalisme guru di mana guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran.
<b>R3</b>	Guru perlu memberi perhatian kepada perkembangan pendidikan terkini dan cuba untuk membuat penambahbaikan dalam PdPc dari semasa ke semasa sekiranya perlu berbuat demikian.
<b>R4</b>	Guru perlu memahami falsafah, dasar kurikulum dan perkembangan pendidikan terkini dahulu dan memastikan aktiviti-aktiviti dalam PdPc adalah selaras dengan falsafah pendidikan, dasar kurikulum dan perkembangan pendidikan terkini.
<b>R5</b>	Guru abad ke-21 perlu mengambil kira semua domain kompetensi dan teras keguruan agar dapat melaksanakan PdPc yang berkesan.
<b>R6</b>	Guru harus lebih peka terhadap perkembangan pendidikan terkini dari semasa ke semasa dan membuat penambahbaikan dalam PdPc sekiranya perlu berbuat demikian.
<b>R7</b>	Guru perlu sentiasa bersikap proaktif untuk belajar sesuatu yang baharu agar dapat menguasai ilmu yang luas.
<b>R8</b>	Guru harus sentiasa mendalami dan meluaskan pengetahuan PdPc pada bila-bila masa.
<b>R9</b>	Guru perlu memastikan PdPc yang dilaksanakan memenuhi keperluan semasa dan selaras dengan perkembangan pendidikan terkini terutamanya pada era globalisasi ini yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar.
<b>R10</b>	Guru perlu mempunyai keyakinan diri semasa PdPc dijalankan agar dapat diberi kepercayaan oleh pelajar. Guru juga harus sentiasa memajukan diri dari aspek ilmu dan kemahiran agar dapat menyesuaikan diri dengan cepat dalam pelbagai situasi.
<b>R11</b>	Guru haruslah rajin menyertai bengkel atau kursus bagi menambahkan ilmu dan meningkatkan kemahiran kerana melaksanakan PdPc yang berkesan adalah salah satu tanggungjawab sebagai seorang guru.
<b>R12</b>	Guru perlu peka dengan isu-isu yang berlaku di negara kita mahupun seluruh dunia terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan contohnya PAK21.

Data menunjukkan R1, R2, R7, R8 dan R11 adalah saling berkaitan. R2, R7 dan R8 mengatakan bahawa domain kompetensi orientasi ilmu dalam SGM 2.0 dapat melahirkan guru yang bersikap proaktif untuk belajar sesuatu yang baharu dan melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan. R1 berpendapat bahawa guru perlu bersikap proaktif untuk menceburi dan menerokai bidang ICT. Penggunaan ICT dalam PdPc dapat menarik minat belajar pelajar terutamanya kelas dalam talian sejak pandemik Covid-19. Contohnya, *Edmodo*, *Kahoot*, *Quizizz*, *Padlet* dan sebagainya. Menurut R11, guru haruslah rajin menyertai bengkel atau kursus bagi menambahkan ilmu dan meningkatkan kemahiran kerana melaksanakan PdPc yang berkesan adalah salah satu tanggungjawab sebagai seorang guru.

**Domain Kompetensi Instruksional dalam SGM 2.0 Membantu Guru Melaksanakan PdPc**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Guru yang cemerlang akan menyampaikan ilmu kepada pelajar dengan bersungguh-sungguh pada setiap kelas dengan syarat mempertimbangkan kemampuan pelajar. Tidak bermakna sekiranya guru sibuk mengajar tetapi pelajar tidak dapat menguasai apa-apa yang diajar dan ini dikenali sebagai PdPc yang tidak berkesan.
<b>R2</b>	Guru perlu berusaha sedaya upaya dalam merancang dan melaksanakan PdPc dengan menggunakan pelbagai teknik penyampaian ilmu agar menggalakkan pelajar bergiat aktif semasa PdPc dijalankan.
<b>R3</b>	Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab, saya akan merancang PdPc berdasarkan kemampuan pelajar kerana pelajar yang lemah memerlukan teknik-teknik tertentu bagi membantu mereka menguasai ilmu yang disampaikan.
<b>R4</b>	Guru patut bersikap adil terhadap semua pelajar dan tidak patut berlaku pilih kasih dalam kalangan pelajar terutamanya apabila membuat penilaian dan pentaksiran pembelajaran.
<b>R5</b>	Guru perlu kreatif semasa merancang dan melaksanakan PdPc dengan menggunakan pelbagai jenis teknik pembelajaran seperti aktiviti PAK21 bagi menarik perhatian pelajar.
<b>R6</b>	Kepentingan dan keperluan pelajar perlu sentiasa didahulukan. Kemampuan pelajar menjadi faktor utama yang wajib dipertimbangkan semasa merancang dan melaksanakan PdPc.
<b>R7</b>	Setiap guru haruslah bijak merancang dan melaksanakan PdPc berdasarkan keperluan dan kemampuan pelajar agar dapat mencapai objektif pembelajaran.
<b>R8</b>	Guru mempertimbangkan kemampuan pelajar semasa merancang PdPc agar pelajar tidak berasa terbeban sehingga kehilangan minat untuk belajar.
<b>R9</b>	Secara jujurnya, bilangan pelajar bagi setiap kelas adalah ramai. Guru susah untuk mencungkil bakat dan potensi pelajar dalam waktu persekolahan yang singkat.
<b>R10</b>	Sebenarnya guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk mencungkil potensi dan bakat pelajar kerana guru selalunya sibuk menghabiskan silibus.
<b>R11</b>	Walaupun silibus agak banyak, guru tetap perlu meningkatkan motivasi diri dalam usaha merancang dan melaksanakan PdPc kerana itulah tanggungjawab sebagai seorang guru.
<b>R12</b>	Guru perlu mengambil serius semasa melaksanakan pentaksiran pembelajaran terhadap semua pelajar kerana ia akan menjelaskan masa depan setiap pelajar.

Menurut R1, R3, R6, R7 dan R8, guru haruslah merancang dan melaksanakan PdPc berdasarkan kemampuan pelajar agar dapat mencapai objektif pembelajaran. R2 pula berpendapat bahawa guru perlu menguasai teknik-teknik penyampaian ilmu agar dapat menggunakan teknik yang bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelajar dalam PdPc. R4 dan R12 mengatakan bahawa guru perlu berprofesional dan bersikap adil terhadap semua pelajar apabila membuat pentaksiran pembelajaran. Manakala R5 berpendapat bahawa guru perlu kreatif semasa merancang dan melaksanakan PdPc dengan menggunakan pelbagai jenis teknik penyampaian ilmu seperti aktiviti PAK21 bagi menarik perhatian pelajar. R11 pula mengatakan bahawa motivasi diri seseorang guru memainkan peranan yang signifikan. Hal ini

kerana merancang dan melaksanakan PdPc yang berkesan merupakan tanggungjawab utama sebagai seorang guru dan guru perlu sentiasa berusaha bersungguh-sungguh menjalankan kewajipannya.

***Domain Kompetensi Pelibatan Komuniti dalam SGM 2.0 Membantu Melaksanakan PdPc***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Sekolah perlu membuka pintu mengalu-alukan pihak luar bekerjasama dengan pihak sekolah menganjurkan program yang memanfaatkan guru dan pelajar dari pelbagai aspek.
<b>R2</b>	Guru membina jalinan dengan ibu bapa agar kedua-dua pihak dapat lebih memahami pemikiran dan tingkah laku pelajar.
<b>R3</b>	Lawatan sambil belajar di luar sekolah dapat menambah ilmu guru dan pelajar.
<b>R4</b>	Pelajar yang banyak melibatkan diri dalam aktiviti komuniti dapat menerima kepelbagaian budaya.
<b>R5</b>	Hubungan baik antara guru dan ibu bapa haruslah dijalinkan bagi bekerjasama dalam memerhatikan perkembangan pembelajaran pelajar.
<b>R6</b>	Guru dan pelajar akan lebih menghayati nilai kesederhanaan dan boleh menerima kepelbagaian budaya sekiranya mereka banyak melibatkan diri dalam aktiviti komuniti.
<b>R7</b>	Guru perlu melawat ke rumah pelajar yang menghadapi masalah seperti kemiskinan, ekonomi dan sebagainya agar dapat memberi bantuan kepada pelajar dan keluarganya.
<b>R8</b>	Guru dapat belajar sesuatu yang baharu daripada komuniti dan menerapkan dalam PdPc.
<b>R9</b>	Pelajar dapat belajar sesuatu yang baharu dan di luar silibus melalui aktiviti komuniti seperti Program Rakan Alam Sekitar.
<b>R10</b>	Pelajar dapat menimba pengalaman yang tidak berharga melalui aktiviti yang melibatkan komuniti.
<b>R11</b>	Guru dan pelajar dapat berfikir secara kritis dan kreatif.
<b>R12</b>	Pelajar akan lebih kreatif dan mendorong pelajar untuk berfikir di luar kotak apabila mereka banyak melibatkan diri dalam aktiviti komuniti.

Menurut R1 dan R3, aktiviti-aktiviti seperti Projek Servis Komuniti yang bekerjasama antara pihak sekolah dengan pihak luar ataupun lawatan sambil belajar dapat memanfaatkan guru dan pelajar dari pelbagai aspek. Guru dapat menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dalam pelaksanaan PdPc agar dapat menarik perhatian dan minat pelajar di bilik darjah. R2 dan R5 mengatakan bahawa guru perlu menjalinkan hubungan mesra dengan ibu bapa agar dapat bekerjasama dalam memantau tingkah laku pelajar dan memerhatikan perkembangan pembelajaran pelajar dari semasa ke semasa.

Manakala R7, sebagai seorang guru yang bertanggungjawab dan peka terhadap keadaan pelajar harus melawat ke rumah pelajar yang menghadapi masalah ekonomi, masalah disiplin, masalah kesihatan atau lain-lain agar dapat memberikan bantuan yang sewajarnya. Menurut R4, R6, R9 dan R10, guru dan pelajar akan lebih menghayati nilai kesederhanaan dan boleh menerima kepelbagaian budaya sekiranya mereka banyak melibatkan diri dalam aktiviti komuniti. R11 dan R12 pula mengatakan bahawa guru dan pelajar dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis apabila mereka banyak melibatkan diri dalam aktiviti komuniti

### **Domain Kompetensi Kualiti Peribadi dalam SGM 2.0 Membantu dalam PdPc**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Guru yang cemerlang akan sentiasa membuat refleksi diri dan penambahbaikan agar memastikan dirinya menghasilkan kualiti kerja yang baik dan menunjukkan keperibadian yang mulia.
<b>R2</b>	Guru perlu bersabar dengan pelajar dalam PdPc kerana gaya pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza.
<b>R3</b>	Guru patut merancang dan melaksanakan PdPc berdasarkan kemampuan pelajar agar memastikan PdPc tersebut adalah berkesan.
<b>R4</b>	Guru haruslah rajin belajar untuk menguasai teknik-teknik penyampaian ilmu dan menggunakan dalam PdPc bagi memastikan pelajar dapat menguasai apa-apa yang diajar.
<b>R5</b>	Guru perlu menerima kepelbagaian budaya.
<b>R6</b>	Guru harus mengamalkan gaya kepimpinan pendidikan yang bersifat insaniah.
<b>R7</b>	Kekuatan mental seseorang guru dapat membantunya menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan.
<b>R8</b>	Guru harus sentiasa berfikiran positif terhadap pelajar dan profesion.
<b>R9</b>	Guru perlu mengamalkan nilai kesederhanaan dan bersifat terbuka bagi menerima pelbagai budaya.
<b>R10</b>	Guru perlu lebih bersabar dalam PdPc kerana zaman kini telah berubah kepada pembelajaran berpusatkan pelajar.
<b>R11</b>	Guru dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan yang ada pada diri sendiri dan juga dalam PdPc sekiranya kerap membuat refleksi diri.
<b>R12</b>	Guru perlu meningkatkan kualiti kerja dari semasa ke semasa dan tidak berasa penat untuk belajar sesuatu yang baharu.

Berdasarkan jawapan yang diberi oleh responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kualiti peribadi guru akan mempengaruhi keberkesanan PdPc. Pengkaji berkata demikian kerana responden berpendapat bahawa seseorang guru perlu sentiasa bersabar, berfikiran positif, bersifat kepimpinan, rajin belajar sesuatu yang baharu, mengamalkan nilai kesederhanaan dengan menerima kepelbagaian budaya dan rajin belajar bagi meningkatkan kualiti kerja dari semasa ke semasa. Menurut R1, seseorang guru perlu sentiasa membuat refleksi diri dan penambahbaikan dari aspek kualiti kerja dan juga personaliti. R7 pula mengatakan bahawa kekuatan mental seseorang guru dapat membantunya menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan.

### **Komponen Etika Keguruan dalam Standard Guru Malaysia 2.0**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Tanggungjawab utama guru terhadap profesion ialah menjalankan tanggungjawab dan tugas yang diberi dengan sempurna dan ikhlas.
<b>R2</b>	Guru patut sentiasa mengawasi tingkah laku diri agar tidak menjatuhkan imej sebagai seorang guru.
<b>R3</b>	Jangan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kod-kod etika profesion keguruan pada setiap masa.
<b>R4</b>	Tidak membocorkan rahsia ataupun maklumat sulit kepada mana-mana pihak.

<b>R5</b>	Jangan sesekali menjatuhkan maruah seseorang guru di depan ibu bapa atau pelajar.
<b>R6</b>	Guru harus berusaha bersungguh-sungguh dalam mendidik pelajar dari aspek akademik dan personaliti kerana inilah tanggungjawab utama bagi seseorang guru.
<b>R7</b>	Guru harus sentiasa membuat refleksi diri dan ikhlas menjalankan kewajipan yang dipikul.
<b>R8</b>	Guru perlu mengelakkan diri daripada campur tangan hal-hal orang lain dan menunjukkan profesionalisme guru pada setiap masa.
<b>R9</b>	Guru harus memberi bantuan kepada rakan sejawat berdasarkan kemampuan diri.
<b>R10</b>	Tidak melakukan sesuatu perkara yang merosakkan kepentingan pelajar, ibu bapa, rakan sejawat, masyarakat dan negara.
<b>R11</b>	Tidak menyebarkan sesuatu maklumat yang palsu atau belum dipastikan kepada mana-mana pihak.
<b>R12</b>	Tidak mencemarkan nama baik rakan sejawat.

Responden telah mengemukakan cara-cara untuk menuaikan tanggungjawab terhadap profesi. Menurut R1, tanggungjawab utama guru terhadap profesi ialah menjalankan kewajipan dan tugas yang diberi dengan sempurna dan ikhlas manakala R7 menyeru guru-guru rajin membuat refleksi diri bagi memperkasakan kekuatan dan memperbaiki kelemahan sedia ada. R2, R3, R6 dan R11 mengatakan bahawa guru perlu sentiasa menjaga tingkah laku diri terutamanya ketika berada di sekolah agar tidak menjatuhkan imej sebagai seorang guru. Jangan sesekali melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kod-kod etika profesi keguruan. Jangan menyebarkan maklumat atau dokumen palsu kepada mana-mana pihak. Guru harus berusaha bersungguh-sungguh melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek personaliti dan akademik.

Menurut R4, R9 dan R10, guru tidak patut membocorkan rahsia ataupun maklumat sulit pihak kerajaan, sekolah atau pelajar kepada mana-mana pihak. Segala keputusan dan tindakan yang diambil perlu mempertimbangkan kebijakan dan kepentingan pelajar, ibu bapa, rakan sejawat, sekolah, masyarakat dan negara. R5, R12 dan R9 mengatakan bahawa guru perlu mengelakkan diri daripada tingkah laku negatif seperti menjatuhkan maruah seseorang guru di depan ibu bapa atau pelajar dan mencemarkan nama baik rakan sejawat. Sebaliknya, guru harus memberi bantuan kepada rakan sejawat berdasarkan kemampuan diri.

### ***Tanggungjawab Guru Terhadap Murid***

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Kebajikan dan kepentingan pelajar perlu sentiasa didahulukan kerana mereka merupakan aset-aset negara kita yang akan memimpin negara kita mencapai kegemilangan pada masa depan.
<b>R2</b>	Guru harus boleh dipercayai oleh pelajar dengan tidak membocorkan rahsia tentang keluarga atau ibu bapa pelajar kepada pihak ketiga.
<b>R3</b>	Ilmu pelita hidup. Guru bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan PdPc yang berkesan agar pelajar dapat melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan.

<b>R4</b>	Cara pemakaian guru di sekolah perlu mematuhi kod-kod etika profesion keguruan agar dapat meningkatkan imej sebagai seorang guru.
<b>R5</b>	Kebajikan dan kepentingan pelajar perlu diutamakan dalam apa-apa keputusan, tindakan atau situasi.
<b>R6</b>	Guru harus sentiasa berwaspada dengan tingkah laku diri kerana menurut Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura pelajar lebih cenderung untuk mencontohi gurunya dari aspek tingkah laku.
<b>R7</b>	Guru harus memberikan peneguhan positif seperti pujian dan ganjaran kepada pelajar yang berkelakuan baik atau berprestasi tinggi dalam pembelajaran sebagai dorongan dan meningkatkan motivasi pelajar.
<b>R8</b>	Guru patut bersikap adil kepada pelajar-pelajar tanpa mengira faktor-faktor jasmani, mental, emosi, ekonomi, keturunan atau agama.
<b>R9</b>	Guru perlu menjalinkan hubungan dengan semua pelajarnya agar mereka sudi untuk berkongsi dengan guru tentang masalah-masalah yang dihadapi dan guru boleh memberi bantuan yang sewajarnya.
<b>R10</b>	Guru harus berusaha meningkatkan kemahiran insaniah setiap pelajar kerana ia akan memanfaatkan kehidupan sepanjang hayat pelajar.
<b>R11</b>	Guru perlu sentiasa peka terhadap perkembangan pembelajaran dan tingkah laku pelajar. Tindakan susulan harus diambil sekiranya perlu demi kepentingan pelajar.
<b>R12</b>	Guru bertanggungjawab untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran dari semasa ke semasa bagi memastikan kualiti PdPc sentiasa terjamin dan mendatangkan kebaikan kepada pelajar.

Responden telah memberikan jawapan yang berbeza kerana tanggungjawab guru terhadap pelajar agak berat dan meliputi pelbagai aspek. Tanggungjawab utama guru terhadap pelajar ialah memastikan PdPc yang dijalankan di bilik darjah adalah berkesan dan mampu memberi impak besar kepada pelajar. Guru harus bersikap adil terhadap semua pelajar, memastikan tidak berlaku bias dan mengutamakan kebijikan dan kepentingan pelajar dalam apa-apa situasi.

Guru perlu menunjukkan suri teladan yang baik kepada pelajar dengan mematuhi kod-kod etika profesion keguruan. Guru harus menjalinkan hubungan mesra dengan pelajar dan boleh dipercayai oleh pelajar agar mereka sudi berkongsi dengan guru masalah yang dihadapi oleh mereka. Guru harus sentiasa peka terhadap tingkah laku pelajar dan memberi peneguhan positif seperti pujian kepada pelajar yang berkelakuan baik atau berprestasi tinggi dalam pembelajaran sebagai dorongan. Guru harus berusaha meningkatkan kemahiran insaniah pelajar kerana ia akan memanfaatkan kehidupan sepanjang hayat pelajar.

### **Tanggungjawab Guru Terhadap Ibu Bapa Atau Penjaga**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Sebagai seorang guru yang bertanggungjawab, kita harus mengelakkan diri daripada mengeluarkan kata-kata atau melakukan sesuatu yang akan menjelaskan kepercayaan pelajar terhadap ibu bapa mereka.
<b>R2</b>	Selain menyampaikan ilmu, guru bertanggungjawab untuk mengawasi tingkah laku pelajar di sekolah dan memberitahu ibu bapa sekiranya perlu berbuat demikian.

<b>R3</b>	Guru harus berusaha bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan agar tidak mengecewakan ibu bapa pelajar yang meletakkan harapan pada guru.
<b>R4</b>	Guru perlu berkongsi maklumat dengan ibu bapa demi kepentingan pelajar dan menggunakan maklumat yang diberi oleh ibu bapa dengan bijaksana.
<b>R5</b>	Hubungan baik perlu dijalankan antara guru dan ibu bapa bagi memudahkan segala urusan antara ketiga-tiga pihak iaitu guru, pelajar dan ibu bapa.
<b>R6</b>	Guru berperanan sebagai orang tengah antara ibu bapa dan pelajar di mana kadangkala kedua-dua pihak menimbulkan perselisihan faham antara satu sama lain dan guru pula menjadi orang tengah untuk cuba menyelesaikan isu yang ditimbulkan.
<b>R7</b>	Pandangan saya ialah guru dan ibu bapa pelajar perlu bekerjsama untuk membantu pelajar dalam pelajaran dan mengawasi tingkah laku pelajar pada setiap masa.
<b>R8</b>	Kerjasama baik antara guru dan ibu bapa dapat memastikan pelajar menghindari daripada perbuatan negatif seperti ponteng sekolah.
<b>R9</b>	Guru harus boleh dipercayai dan mematuhi etika profesion keguruan dengan tidak membocorkan rahsia tentang keluarga, ibu bapa dan pelajar kepada pihak ketiga.
<b>R10</b>	Guru harus lebih banyak berkomunikasi dengan ibu bapa pelajar agar mereka mengetahui perkembangan pembelajaran anak-anak dari semasa ke semasa.
<b>R11</b>	Guru patut bersikap adil terhadap ibu bapa dan pelajar dengan memastikan tidak berlaku pilih kasih atau berat sebelah dalam apa-apa keadaan.
<b>R12</b>	Guru perlu membantu ibu bapa dalam pembentukan keperibadian mulia pelajar semasa waktu persekolahan dengan menerapkan nilai-nilai murni melalui PdPc serta mengawasi tingkah laku pelajar.

Menurut R1, R4 dan R9, guru harus mengelakkan diri daripada mengeluarkan kata-kata atau melakukan sesuatu yang akan menjelaskan kepercayaan pelajar terhadap ibu bapa mereka. Guru harus boleh dipercayai dan mematuhi etika profesion keguruan dengan tidak membocorkan rahsia tentang keluarga, ibu bapa dan pelajar kepada pihak ketiga. Menurut R2, R7, R8 dan R10, guru perlu bekerjasama dengan ibu bapa dan lebih banyak berkomunikasi antara kedua-dua pihak bagi membantu pelajar dalam akademik dan memastikan pelajar menghindari daripada perbuatan negatif seperti ponteng sekolah.

Menurut R5 dan R6, guru juga berperanan sebagai orang tengah kepada ibu bapa dan pelajar apabila kedua-dua pihak menimbulkan perselisihan faham antara satu sama lain dan guru boleh cuba menyelesaikan isu yang ditimbulkan secara harmoni. R3 mengatakan bahawa guru harus berusaha bersungguh-sungguh dalam pelaksanaan PdPc yang berkesan agar tidak mengecewakan ibu bapa pelajar yang meletakkan harapan pada guru manakala R12 berpendapat bahawa guru perlu berusaha membentuk keperibadian mulia dalam diri pelajar melalui penerapan nilai-nilai murni. R11 pula mengingati guru sentiasa bersikap adil terhadap ibu bapa dan pelajar dengan memastikan tidak berlaku pilih kasih atau berat sebelah dalam apa-apa keadaan.

### **Tanggungjawab Guru Terhadap Masyarakat dan Negara**

<b>Responden</b>	<b>Jawapan</b>
<b>R1</b>	Guru bertanggungjawab untuk melahirkan warganegara yang bersahsiah mulia, taat setia dan bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negara serta mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
<b>R2</b>	Guru perlu banyak menerapkan nilai-nilai murni melalui PdPc kerana kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara memainkan peranan yang penting bagi negara kita yang berbilang kaum, berbeza budaya, keturunan dan agama.
<b>R3</b>	Guru bertanggungjawab untuk melahirkan generasi muda yang berwawasan dan bersifat kepimpinan bagi memimpin negara kita mencapai kegemilangan dalam pelbagai aspek.
<b>R4</b>	Pentingnya bagi melahirkan generasi muda yang berminda kelas pertama bagi membangunkan negara kita ke arah yang lebih maju.
<b>R5</b>	Guru harus berusaha untuk melahirkan generasi muda yang memenuhi keperluan pasaran buruh global agar mereka dapat meningkatkan produktiviti negara dan memacu ekonomi negara.
<b>R6</b>	Guru berperanan sebagai pemangkin utama atau arkitek minda generasi muda.
<b>R7</b>	Guru bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari aspek akademik dan personaliti agar dapat menghadapi cabaran globalisasi dari semasa ke semasa.
<b>R8</b>	Guru bertanggungjawab untuk mendidik pelajarnya untuk menghormati semua agama, budaya, kaum yang berbeza bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara.
<b>R9</b>	Guru patut mengelakkan diri daripada menyebarkan berita atau maklumat palsu kepada mana-mana pihak yang akan merosakkan kepentingan masyarakat atau negara ataupun yang bertentangan dengan prinsip Rukun Negara.
<b>R10</b>	Guru sebagai warganegara digalakkan untuk menyertai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan agar dapat serba sedikit memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.
<b>R11</b>	Guru perlu menghayati Rukun Negara dalam kehidupannya dan cuba menerapkan prinsip-prinsip Rukun Negara terhadap pelajarnya melalui PdPc.
<b>R12</b>	Guru perlu sentiasa menerapkan kepentingan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat dan negara terhadap pelajar agar mereka tidak melakukan sesuatu yang akan membahayakan atau merosakkan masyarakat dan negara kita.

Tanggungjawab guru terhadap masyarakat dan negara agak berat. Berdasarkan jawapan daripada responden, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa guru perlu menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dan mempraktikkan dalam kehidupan harian. Guru digalakkan untuk banyak menyertai aktiviti kemasyarakatan bagi memberi serba sedikit sumbangan kepada masyarakat dan negara. Selain itu, guru bertanggungjawab untuk melahirkan pelajar ataupun lebih dikenali sebagai generasi muda yang taat setia kepada raja dan negara, berwawasan, bersifat kepimpinan, berminda kelas pertama, cemerlang dari aspek akademik dan sahsiah diri dan menghormati agama, keturunan, budaya yang berbeza supaya dapat mempersiapkan generasi muda menghadapi cabaran globalisasi, memimpin negara kita ke arah yang lebih maju dan akhirnya mencapai kegemilangan negara dalam pelbagai aspek.

## Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan guru berpendapat bahawa SGM 2.0 ini adalah satu dokumen rujukan yang komprehensif dan seajar dengan perkembangan PAK21. Namun, guru perlu diberi pendedahan yang secara lebih mendalam mengenai Standard Guru Malaysia 2.0 kerana ramai guru kurang jelas dengan SGM 2.0. Keadaan ini bertepatan dengan kajian-kajian lepas yang dijalankan dalam kalangan bakal guru di Universiti Teknologi Malaysia yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan bakal guru terhadap tujuan utama pendidikan berada pada tahap sederhana dan kurang memahami matlamat pendidikan seperti FPK dan PPPM. Ini menunjukkan bahawa SGM 2.0 mampu untuk membentuk jiwa pendidik yang sempurna dan holistik. Namun, pelaksanaan SGM 2.0 harus perlu dikaji dengan lebih terperinci lagi agar dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan memanfaatkan semua guru di Malaysia. Guru juga memerlukan pelbagai jenis bengkel atau program yang bermakna secara berkala di bawah SGM 2.0. Tujuan berbuat demikian adalah untuk menambahkan ilmu akademik dan meningkatkan kemahiran yang dapat menyempurnakan keperibadian diri dan juga kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan PdP yang berkesan.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, SGM 2.0 berperanan sebagai garis panduan bagi seseorang guru. Melalui penghayatan SGM 2.0, guru akan sentiasa berwaspada dengan tingkah laku diri pada setiap masa agar dapat menjadi suri teladan yang baik kepada pelajar. Oleh itu, SGM 2.0 berperanan sebagai garis panduan bagi seseorang guru. Hasil dapatan kajian ini bertepatan dengan Teori Deontologi Peraturan yang bermaksud pengukuran dan pertimbangan tindakan seseorang individu adalah bergantung kepada piawaian yang ditetapkan. Seterusnya responden juga berpendapat bahawa semua domain kompetensi dalam SGM 2.0 iaitu orientasi ilmu, instruksional, pelibatan komuniti dan kualiti peribadi dapat membantu guru melaksanakan PdPc yang berkesan dari pelbagai aspek. Namun, personaliti seseorang guru juga memainkan peranan yang signifikan dalam pelaksanaan PdP yang berkesan.

Penemuan kajian ini boleh dikaitkan dengan Teori Keperibadian Mulia kerana teori ini ialah satu teori yang menekankan sifat peribadi untuk mencapai kehidupan yang baik. Menurut Aristotle (384-322 S.M.) keperibadian mulia (*virtues*) atau *fadhilah* adalah konsep yang merangkumi kebijaksanaan, kemurahan hati, keadilan, keberanian, kejujuran, kesabaran yang memainkan peranan penting dalam kehidupan bermoral (Nurul Hudani & Baharudin, 2018). Teori ini bermula dengan pertanyaan, “Mengapakah saya patut bertindak sedemikian dan bukan sebaliknya?” Apabila kita mengalih soalan “Apakah yang patut saya lakukan?” kepada soalan “Saya patut menjadi insan yang bagaimana?” Kita telah mengalih tumpuan kepada apakah sifat-sifat mulia yang patut ada pada seseorang individu. Oleh sebab itu, para guru perlu berfikir dengan jelas, “Saya patut menjadi insan yang bagaimana?” Seterusnya, “Apakah yang patut saya lakukan sebagai seorang guru yang bertanggungjawab, berdedikasi dan beretika?”

Objektif keempat kajian ini dapat menjawab dua soalan iaitu, apakah pandangan guru terhadap komponen etika keguruan dalam SGM 2.0? Bagaimanakah guru mengamalkan etika profesion keguruan sebagai kerjaya profesional? Hasil dapatan kajian boleh dikaitkan dengan Prinsip Kewajipan. Prinsip ini menegaskan tanggungjawab dilaksanakan semata-mata kerana amalan itu merupakan satu tanggungjawab. Soal utama dalam “*Etika Kant*” yang dikemukakan oleh Immanuel Kant ialah “Apa yang patut saya lakukan?” Kant berpendapat bahawa pertimbangan sesuatu tindakan sama ada betul atau salah, kita perlulah melihat sama ada tindakan tersebut mematuhi peraturan universal moral. Oleh sebab itu, guru perlu jelas dengan tanggungjawab guru terhadap profesion, murid, ibu bapa atau penjaga, masyarakat dan negara serta cara-cara untuk menunaikannya.

Selain itu, hasil dapatan kajian juga bertepatan dengan Etika Kerja KPM dan Kod Etika Profesional Keguruan Malaysia yang menjelaskan semua guru jelas dengan tanggungjawab terhadap pelbagai pihak. Etika kerja KPM ini telah menggariskan lima prinsip dan tujuh nilai utama. Lima prinsip tersebut ialah niat yang betul, perlakuan yang baik, penggerak ke arah kebaikan, memperkotakan apa yang dikatakan serta berdisiplin dan beradab. Tujuh nilai fokus utama dalam etika kerja KPM ialah amanah, benar, bijaksana, bersyukur, dedikasi, ikhlas dan penyayang. Niat yang betul. Guru mestilah menunaikan tanggungjawab dengan niat yang betul. Guru perlu bersikap positif dan ikhlas, memberi sumbangan yang bermutu serta sentiasa bertindak untuk memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui penghayatan Kod Etika Profesional Keguruan Malaysia, guru akan memahami tanggungjawab terhadap pelbagai pihak dan bagaimana untuk memastikan dirinya sentiasa bertingkah laku baik dan bertatasusila dalam profesion keguruan. Ini selari dengan pandangan Nurlina, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir (2018) yang menyatakan sistem pendidikan negara kita memerlukan guru-guru yang mempunyai komitmen, dedikasi dan kesungguhan dan memiliki keperibadian dan budi pekerti yang mampu menjadi tauladan kepada anak didik mereka.

## Rujukan

- Alias, S. A. (2020, Februari 2). *Siasat dakwaan pelajar bunuh diri akibat tekanan di sekolah*. Retrieved from Berita Harian.
- Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkuat Bahasa Inggeris (MBMMBI)*. (2014). Retrieved from Ministry of Education Malaysia.
- Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. (1988). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Gluchmanova, M. (2015). The Importance of Ethics in the Teaching Profession. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 509-513.
- Gulcan, N. Y. (2015). Discussing the Importance of Teaching Ethics in Education. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 2622-2625.
- Josefova, A. (2016). The Importance of Ethics in the Process of Education in Today Globalised Society. *SHS Web of Conferences*. EDP Sciences.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kawi, M. R. (2019, Oktober 29). *Murid tadika dakwa guru 'stapler' telinga*. Berita Harian.
- Malaysia, K. P. (2009). *Standard Guru Malaysia 1.0*. Ministry of Education Malaysia.
- Malaysia, K. P. (2020). *Standard Guru Malaysia 2.0*. Ministry of Education Malaysia.
- Marica, M. A. (2013). On the Ethical Management of the Teaching Profession. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 476-480.
- Maxwell, B. (2017). Codes of Professional Conduct and Ethics Education for Future Teachers. *Philosophy Inquiry in Education*, 323-347.
- Mohd Aizat Abu Hassan, Kamarudin Musa. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia, Management Research Journal. Vol. 9 No 2. 37-45.
- Nasir, S. S. (2018, Julai 4). *Tidak tuduh, marah, pukul Vasanthapiriya - Guru*. Berita Harian.
- Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2018). Etika dan Tanggungjawab Pendidik dalam Profesional Perguruan dan Cabaran Pendidik Masa Kini. Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT) Volume 6, No. 2, December 2018: 43-50.
- Nurul Hudani Md Nawi. (2018). Konsep Moral dalam Perspektif Islam dan Barat. Al-Hikmah 10 (2). 3-16.
- Oxford English Dictionary*. (2020). Oxford University Press.
- Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK)*. (2014). Ministry of Education Malaysia.

- Pelan Pelaksanaan Dasar Rancangan Malaysia kesebelas 2016-2020.* (2016). Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.* (2013). Ministry of Education Malaysia.
- Permata, M. (2019, Februari 21). *Guru besar ponteng kerja disiasat.* Media Permata Borneo Online.
- Puteh, A. (2016). *Profesjon Keguruan Peranan Etika Kerja dalam Mendisiplinkan Pelajar.* Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sani, M. S. (2019, Jun 25). *Kes panggil cikgu pondan di JB, rupanya!* Harian Metro.
- Sherpa, K. (2018). Importance of Professional Ethics for Teachers. *International Education and Research Journals*, 16-17.
- Sultana, M. (2014). Ethics in Teaching Profession. *ABC Journal of Advanced Research*, 44-49.
- Teks Ucapan Hari Guru 2020.* (2020). Retrieved from Prime Minister's Office of Malaysia.
- Thompson, P. B. (2012). Ethics and Risk Communication. *SAGE Journals*.
- Tonggok Dua Belas .* (1993). Institut Tadbiran Awam Negara.
- Yunus, M. Y. (2021, April 24). *Pelajar dakwa guru galak perbuatan rogol.* Sinar Harian.